

UM (TIMUR) Rabu 3/2/10 m/s 2b

## Cara tadbir UMP mesti kreatif - Dr. Daing

KUANTAN 2 Feb. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini memasuki fasa keempat penubuhannya iaitu beroperasi untuk mencari keuntungan melalui bidang penyelidikan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti generasi keempat itu lebih berwatak kosmopolitan dengan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar.

“Cara kita mengurus dan mentadbir universiti mestilah kreatif dan inovatif bagi merealisasikan fasa keempat ini.

“UMP akan terus meningkatkan bakat secara berterusan dengan menentukan kepelbagaiannya pengetahuan, kemahiran dan pengalaman agar selari visi UMP untuk menjadi universiti teknikal bertaraf dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanatnya kepada 5,000 kakitangan dan pelajar UMP sempena tahun baru.

Daing Nasir berkata, membangunkan universiti ke arah keunggulan lestari merupakan usaha berterusan bagi mencipta kecemerlangan berkekalan untuk UMP.